

08 JAN 2002

PETUGAS KONGRES AMERIKA TEMUI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikunjungi 12 petugas kongres Amerika Syarikat yang sedang melawat Malaysia selama seminggu.

Pertemuan selama satu jam itu di pejabat Perdana Menteri itu, turut dihadiri Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sopiae dan Ketua Pengarah ISIS Datuk Mohamed Jauhar Hassan.

Kathleen Lydon, ketua setiausaha kepada anggota kongres Judy Biggert, memberitahu pemberita kemudian bahawa mereka membincangkan isu-isu ekonomi dan menghargai pandangan Dr Mahathir mengenai ekonomi Amerika yang berkait rapat dengan ekonomi Malaysia.

"Kami juga berbincang mengenai keganasan dan memberitahu beliau bahawa kami menghargai pendirian dan dasar Malaysia menangani masalah itu," katanya.

Petugas-petugas itu yang tiba Ahad lepas, juga dijadual melawat Langkawi.

-- BERNAMA

SR HK MAI